

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
ABDUL AZIZ [ BACHOK ]**

**TARIKH : 15 OKTOBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 4**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan strategi yang dirangka setakat ini bagi mencapai sasaran 60 ribu pemegang ijazah PhD pada 2023.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada masa ini menguruskan program tajaan biasiswa bagi pengajian peringkat PhD kepada orang awam melalui program MyBrainSc dan MyBrain15 serta kepada pegawai sedang berkhidmat melalui Program Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB), Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) dan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP). Semua program tersebut merupakan penyumbang kepada sasaran melahirkan 60,000 orang pemegang Ph.D daripada kalangan rakyat Malaysia menjelang tahun 2023 sebagaimana yang digariskan di dalam Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara.

Selain itu, Kementerian masih meneruskan pemberian geran penyelidikan (*Fundamental Research Grant Scheme*) kepada Universiti Awam (UA) yang dilihat mampu melahirkan lebih ramai pemegang Ph.D dalam kalangan warganegara Malaysia secara bersasar yang berkualiti dan dapat memenuhi ekspektasi *Graduate on Time (GoT)*. Ini kerana, melalui aktiviti penyelidikan, pelajar Ph.D akan diselia dengan ketat oleh pihak UA di samping melibatkan diri dalam penghasilan penemuan-penemuan baru daripada aktiviti penyelidikan di UA untuk manfaat negara. Untuk tahun 2018, dana skim ini adalah sebanyak RM200 juta manakala untuk tahun 2019, dana yang diperuntukkan adalah sebanyak RM275.35 juta.

Aspirasi pencapaian pemegang PhD sebanyak 60,000 rakyat Malaysia menjelang tahun 2023 harus dilihat secara holistik di mana semua agensi Kerajaan termasuk pihak swasta perlu bersama-sama menjayakan hasrat tersebut. Usaha KPM hanyalah subset kepada sumbangan agensi Kerajaan lain seperti MARA dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang juga menerima peruntukan bagi program tajaan biasiswa. Selain daripada itu, syarikat swasta juga hendaklah sentiasa memberi peluang tajaan pegawai dan kakitangan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat PhD.

Sekian, terima kasih.

RJM 18